

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**

**TARIKH : 6 MEI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk menaik taraf pelabuhan Labuan sebagai pusat Transshipment Hub utama untuk wilayah Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Lembaga Pelabuhan Labuan telah ditubuhkan melalui pewartaan Perluasan Kuasa Menteri yang digazetkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan, Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Perluasan Fungsi 2017) yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2017. Dengan tertubuhnya Lembaga Pelabuhan Labuan, maka urusan pentadbiran Pelabuhan Labuan kini terletak di bawah bidang kuasa dan kawal selia Lembaga Pelabuhan Labuan yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Kontena yad di Pelabuhan Dermaga Merdeka Labuan mempunyai kapasiti optimum sebanyak 800 TEUs dalam satu-satu masa bagi menampung aktiviti pengendalian kargo tempatan termasuk kargo industri minyak dan gas serta kargo pindah kapal atau *transshipment*. Manakala jeti Dermaga Merdeka mempunyai spesifikasi dengan panjang 244 meter dan lebar 19.5 meter.
3. Bagi menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai pusat Transshipment Hub utama untuk wilayah Sabah dan Sarawak pelan pembangunan pelabuhan secara holistik perlu diwujudkan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja menaik taraf pelabuhan dapat dilaksanakan. Dalam hal ini, kerjasama antara Agensi-Agensi termasuk Perbadanan Labuan perlu diwujudkan supaya pembangunan pelabuhan dapat dilaksanakan sejajar dengan perancangan pembangunan bandar dan industri di Wilayah Persekutuan Labuan.

4. Lembaga Pelabuhan Labuan kini dalam proses untuk mempertingkatkan kecekapan pelabuhan, menggubal undang-undang kecil pelabuhan dan memperkemaskan prosedur pelabuhan bagi memastikan Pelabuhan Labuan kekal kompetitif. Lembaga Pelabuhan Labuan juga sudah mengenalpasti beberapa lokasi yang berpontesi untuk dibangunkan sebagai Pelabuhan Labuan yang baru antaranya seperti di Ranche-Ranche bagi cadangan pembangunan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.